

## Mimpi sebagai Medium Komunikasi Spiritual dalam Masyarakat Iban

*Dreams as The Medium of Spiritual Communication in Iban Community*

Patricia Ganing  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[patricia.ganing@gmail.com](mailto:patricia.ganing@gmail.com)

Asmiaty Amat  
Universiti Malaysia Sabah.  
[asmiaty@ums.edu.my](mailto:asmiaty@ums.edu.my)

R. Masri Sareb Putra  
Institut Teknologi Keling Kumang  
[masrisarebputra@gmail.com](mailto:masrisarebputra@gmail.com)

**Published:** 11 Oktber 2024

**To cite this article (APA):** Ganing, P., Amat, A., & Masri Sareb Putra, R. (2024). Mimpi sebagai Medium Komunikasi Spiritual dalam Masyarakat Iban. *PENDETA*, 15(2), 1–17. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.1.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.1.2024>

### Abstrak

Masyarakat Iban mempunyai kepercayaan tradisional yang dijadikan sebagai panduan dalam kelangsungan kehidupan sehari-hari mereka. Oleh itu, setiap kejadian yang berlaku di persekitaran mereka dianggap sebagai *burung* atau tanda yang harus ditafsir bagi mengetahui petandanya. Antara kepercayaan yang sangat dititikberatkan oleh masyarakat Iban ialah tafsiran terhadap tanda-tanda yang muncul dalam mimpi. Dalam kajian ini, teori semiotik Charles Sander Peirce dijadikan sebagai landasan untuk mengkaji tanda-tanda yang terkandung dalam mimpi. Dengan menggunakan teori ini, tanda-tanda yang wujud diinterpretasikan kepada petanda tertentu berdasarkan kepercayaan masyarakat Iban. Kajian ini memfokuskan penelitian terhadap pengelasan mimpi berdasarkan tanda-tanda yang wujud. Penelitian ini juga bertujuan untuk merungkai fungsi mimpi dalam masyarakat Iban. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat Iban mempunyai tafsiran tersendiri terhadap tanda-tanda yang muncul dalam mimpi. Tanda-tanda tersebut merupakan elemen penting dalam menentukan pengelasan sesebuah mimpi. Mimpi dalam masyarakat Iban dikategorikan kepada mimpi gembira (*mimpi gaga*), mimpi buruk (*mimpi changka*), mimpi panjang umur (*mimpi gayu*), mimpi marah (*mimpi ringat*), mimpi tidak panjang umur (*mimpi pandak umur*), mimpi dibantu oleh Dewa Dewi (*mimpi ditulung antu*) dan mimpi berkabung (*mimpi ngulit*). Pengelasan ini sangat penting kerana petanda yang diinterpretasikannya dipercayai oleh masyarakat Iban sebagai sebuah medium komunikasi spiritual yang harus dipatuhi bagi menjamin kesejahteraan komunitinya.

**Kata kunci:** Iban, Mimpi; semiotik; pengelasan; fungsi; komunikasi spiritual

### Abstract

Iban communities have the traditional beliefs that serve as their guide in daily life. Every occurrence in their environment is believed as a *bird* / '*burung*' or a sign that needs to be interpreted to know its connotation. Among the beliefs that the Iban community is constantly concerned, emphasis is shown to the interpretation of signs that appear in dreams. In this study, the Semiotic Theory of Charles Sander Peirce was used as the basis for studying the signs manifesting in a dream. Using this theory, the existing signs will be interpreted as specific omens based on the beliefs of the Iban community. This study focuses on the classification of dreams based on the signs that exist. This research also aims to make sense of the dreams and its function in Iban society. The findings showed

that the Ibanese community have their own interpretation of the signs that commonly appear in dreams. These interpretations are important elements in determining the classification of a dream. In this study, dreams in the Iban people are categorised into happy dreams (*mimpi gaga*), nightmares (*mimpi changka*), dreams of longevity (*mimpi gayu*), dreams of anger (*mimpi ringat*), dreams of brevity (*mimpi pandak umur*), dreams of helping deities (*mimpi ditulung antu*) and also the dream of mourning (*mimpi ngulit*). These classifications are very important because these interpretations are believed to be true by the Ibanese community as a medium of spiritual communication whereby the beliefs are a must to follow in order to ensure the well-being of their community.

**Keywords:** Iban; dreams; semiotic; classification; function; spiritual communication

## PENGENALAN

Setiap masyarakat di Nusantara memiliki cara hidup yang unik sebagai pengenalan kepada identiti masyarakatnya. Masyarakat Iban tidak ketinggalan dalam memiliki identiti pengenalan yang unik dalam mengetengahkan kaumnya. Mereka merupakan etnik majoriti yang menetap di negeri Sarawak sejak beratus tahun yang lalu. Mereka mempunyai bahasa, kebudayaan, organisasi sosial, agama dan kepercayaan yang tersendiri.

Bahasa yang digunakan sebagai bahasa pengantar dalam kalangan mereka ialah bahasa Iban. Walaupun terdapat sedikit perbezaan dari segi intonasi dan makna sesetengah perkataan, namun masih boleh difahami antara satu sama lain. Misalnya, sebilangan masyarakat Iban mengenali pucuk ubi atau daun ubi sebagai daun *bandung*, daun *jabang*, dan daun *empasa*. Namun setiap masyarakatnya memahami perbezaan sebutan tersebut adalah membawa maksud yang sama, iaitu merujuk kepada daun ubi.

Di samping itu, perbezaan intonasi pula merujuk kepada kelembutan lantunan suara ketika berkomunikasi antara satu sama lain. Masyarakat Iban yang tinggal di kawasan sekitar Betong, Seratok dan Roban terkenal sebagai antara masyarakat Iban yang memiliki lantunan intonasi yang sangat lembut ketika bertutur antara satu sama lain. Bagi masyarakat Iban yang tinggal di kawasan perdalaman Kapit, dikenali menggunakan intonasi yang agak kasar. Sehinggakan orang luar daripada kawasan kapit menganggap cara percakapan Iban Kapit seolah-olah seperti orang sedang yang marah atau bertengkar. Ekoran daripada perbezaan intonasi ini, masyarakat Iban sendiri beranggapan bahawa perbezaan intonasi ini adalah dipengaruhi oleh faktor bentuk muka bumi tempat mereka tinggal. (Temubual: Edmund Langgu 2020).

Walaupun tiada kajian saintifik yang pernah dijalankan terhadap faktor penyebab perbezaan intonasi ini berlaku, namun masyarakat Iban memberikan pendapat menggunakan logik akal. Masyarakat Iban berpendapat bahawa Iban Betong menggunakan intonasi yang lembut kerana tinggal di kawasan tanah rata. Iban Kapit tinggal di kawasan bukit bukau dan sistem perhubungan utama mereka ialah melalui sungai yang sangat deras. Oleh sebab itu, mereka terpaksa menggunakan lantunan intonasi yang tinggi ketika melalui sungai. Keadaan bunyi yang bising telah menjadi keterbiasaan mereka untuk bercakap menggunakan intonasi yang tinggi dalam bahasa komunikasi sehari-hari. Selain itu, masyarakat Iban turut kaya dengan keunikkan kebudayaannya termasuklah muzik, makanan, minuman, tarian, pakaian dan bermacam-macam lagi. Begitu juga, mereka turut mempunyai organisasi sosial sejak bezaman lagi seperti tuai rumah, tuai burung, lemambang, tuai kayau, penghulu dan lain-lain.

Sebelum Krisitan yang disebarluaskan oleh penjajah British, masyarakat Iban sudah memiliki sistem kepercayaan tersendiri. Sistem kepercayaan animisme ini dikenali sebagai *pengarap asal* atau *pengarap beburung*. Kepercayaan pengarap asal ini merupakan ajaran yang diperturunkan oleh Dewa Dewi kepada masyarakat Iban. Benedict Sandin (2010) turut menyatakan bahawa masyarakat Iban mempercayai bahawa ajaran-ajaran adalah diperturunkan oleh dewa dewi seperti Dewa Sengalang Burung, Dewa Keling, Dewi Kumang dan dewa dewi yang lain. Mereka sangat mempercayai bahawa pengarap asal ini diwarisi sejak dahulu kala, iaitu ketika manusia masih tinggal dalam satu rumah

panjang bersama dengan dewa-dewi. Perpisahan antara manusia dan dewa dewi berpunca daripada peristiwa-peristiwa tertentu yang membawa kepada perpecahan tersebut. Semenjak daripada itu, ajaran-ajaran daripada pengarap asal tersebut terus disampaikan secara lisan menerusi *lemambah*, *manang*, *tuai burung*, ketua kampung, ketua adat dan orang tua yang berpengalaman.

Sebelum ritual keagamaan lain dilaksanakan, masyarakat Iban sangat mempercayai dua perkara utama sebagai petanda, iaitu mimpi dan burung. Freeman (1953:68), *The dream is the record of the adventures of the dream's soul, which in sleep wanders abroad of its own volition. Dream for the Iban, are the most important of all the channels of communication with the spirit world, and dream experiences dominate their behavior to remarkable degree.* Mereka mempercayai bahawa kepercayaan-kepercayan tertentu disampaikan melalui mimpi. Mimpi merupakan satu medium komunikasi spiritual yang sangat penting dalam kepercayaan masyarakat Iban. Mereka mempercayai bahawa mimpi adalah penghubung antara roh manusia dengan dewa-dewi untuk menyampaikan ajaran-ajaran tertentu sebelum mereka melakukan apa-apa sahaja aktiviti. Misalnya, perjumpaan bersama seluruh penduduk rumah panjang dilaksanakan sebelum mengerjakan sesuatu aktiviti seperti berperang atau ngayau, menggembira dan sebagainya. Dalam perjumpaan tersebut, semua penduduk diarahkan untuk *ngedang mimpi*. Istilah “*ngedang mimpi*” hampir bersinonim dengan perlakuan menunggu kehadiran mimpi. Seusai arahan diberikan, setiap individu yang terlibat balik ke *bilik* masing-masing dan berdoa agar pada malam tersebut dihadirkan mimpi yang baik supaya aktiviti yang bakal dilakukan berjaya dilaksanakan. Keesokan harinya, perjumpaan semula dilakukan secara beramai-ramai untuk bertanyakan secara individu berkenaan mimpi yang dialami pada malam tersebut. Sekiranya hadirin yang hadir menyatakan tiada mimpi yang pelik dialami maka aktiviti yang telah dirancang diteruskan. Namun sebaliknya pula apabila terdapat individu yang mempunyai mimpi buruk maka aktiviti akan dibatalkan atau diadakan ritual keagaamaan yang seterusnya. Ritual keagamaan akan dilaksanakan sama ada secara ringkas, sederhana atau besar-besaran. (Temubual: Edmund Langgu 2021).

Selain itu, burung yang dimaksudkan ialah petanda-petanda tertentu yang disampaikan menerusi bunyi burung, kelakuan haiwan, sifat aneh tumbuh-tumbuhan, kelakuan serangga dan lain-lain. Kepentingan mempercayai burung ini juga sama penting dengan kepercayaan terhadap mimpi. Oleh kerana itu, masyarakat Iban sememangnya tidak akan melanggar sama sekali petanda-petanda yang wujud dalam mimpi atau *burung* kerana mereka mempercayai keingkaran akan menyebabkan berlakunya malapetaka. Oleh kerana itu, kajian ini sangat penting bagi merungkai tanda-tanda menerusi mimpi yang dijadikan panduan oleh masyarakat Iban dalam kehidupan sehari-hari mereka.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Kepercayaan masyarakat Iban tradisional terhadap mimpi sememang satu perkara yang tidak dapat disangkal lagi. Beberapa pengkaji lain turut menyentuh berkaitan kepercayaan masyarakat Iban terhadap mimpi. Antara pengkaji yang pernah menyentuh berkaitan tentang mimpi dalam kepercayaan masyarakat Iban ialah Benedict Sandin (1962), Awang Azman (2016), Peter Kedit (1993 ), Noria Tugang (2011), Awanis Hidayati (2014) seorang pengkaji dari Indonesia tentang pua kumbu dan ramai lagi. Namun demikian, kajian-kajian yang dilakukan oleh para pengkaji tersebut adalah berkisar tentang kepercayaan masyarakat Iban terhadap mimpi dan fungsinya sebagai medium untuk mendapatkan idea-idea atau menjadi sumber idea untuk menghasilkan tenunan dan lain-lain. Bertunjangkan situasi ini, maka kajian ini dijalankan untuk meneliti tanda-tanda yang terkandung dalam sesebuah mimpi dan petanda yang diinterpretasikan berdasarkan teori semiotik Charles Sander Peirce. Rentetan daripada itu, kajian ini turut menyenaraikan mimpi-mimpi kepada pengelasan tertentu berdasarkan petanda yang telah diinterpretasikan daripada sesebuah mimpi.

## SOROTAN KAJIAN


Pada peringkat awal, kajian terhadap mimpi adalah bersifat pengumpulan dan pendokumentasian dalam bentuk buku. Benedict Sandin (1962), telah mengumpulkan tiga belas jenis mimpi pahlawan Iban yang dipercayai menjadi petanda kepada kejayaan mereka dalam peperangan. Tiga belas mimpi yang disusun dengan menarik dalam bentuk penceritaan termasuklah 1.)*mimpi Tindin Bejuluk Pimpin Beragah*, 2.)*mimpi Dana Beesumbar Bayang*, 3.)*mimpi Uyut Anak Kalanang*, 4.)*mimpi Libau Buban*, 5.)*mimpi Linggir Beesumbar Mali Lebu*, 6.)*mimpi Minggat Apai Runai*, 7.)*mimpi Orang Kaya Pemancha Nanang*, 8.)*mimpi Kedu Lang Ngindang*, 9.)*mimpi Jabu Apai Umping*, 10.)*mimpi Garran Beensumar Lembang Batu*, 11.)*mimpi Munan Pengulu Dalam*, 12.)*mimpi Temenggung Koh* dan 13.)*mimpi Unggang beensumbat Lebur Menua*. Tiga belas jenis mimpi tersebut dijelaskan adalah benar-benar dialami oleh pahlawan-pahlawan yang berperang ketika menentang penjajah sekitar 1890 hingga awal 1990an.

Awang Azman Awang Pawi (2013) pula telah menjalankan penelitian terhadap *Weltanchuang* dan kepercayaan tradisi etnik di Sarawak, iaitu Melanau, Iban dan Kedayan. Kajian tersebut juga meneliti manifestasi daripada kepercayaan ini. Selain daripada perbincangan tentang kepercayaan kaum Melanau dan Kedayan, dapatkan kajian tentang masyarakat Iban merupakan satu penelitian yang amat menarik. Penelitian ini telah membincangkan tentang mimpi sebagai medium alam magis dalam kepercayaan masyarakat Iban. Mimpi adalah penghubung antara Dewa dan roh dengan manusia serta menyampai kepada petanda-petanda tertentu. Perbincangan tentang mimpi dalam kajian tersebut membincangkan tentang mimpi dalam masyarakat Iban secara umum. Oleh sebab itu, kajian ini pula membincangkan tentang mimpi secara lebih mendalam termasuk mengkategorikan mimpi dan juga fungsi mimpi dalam masyarakat Iban.

Selain daripada kajian tentang mimpi dalam masyarakat Iban, penelitian juga turut dilakukan terhadap kajian mimpi daripada masyarakat lain termasuklah masyarakat Jawa. Sukatman (2009) telah mengkaji pandangan masyarakat Jawa tentang mimpi dan menggolongkan mimpi kepada tiga kategori. Dapatkan kajian mendapati mimpi masyarakat Jawa dikategorikan kepada 1.)*sasmitaningrob*, *mimpi sungguhan yang berisi pesan pesan sungguhan yang berasal dari isyarat Tuhan kepada manusia*, 2.)*daradasih*, *mimpi sungguhan yang baik buruknya isi mimpi akan dialami penerima pesan simbolik yang bersangkutan atau orang lain yang dimimpikan*, *isyarat daripada Tuhan atau makhluk suci* dan 3.)*cakrabawa*, *mimpi yang tidak ada maknanya atau mimpi yang berasal daripada kekacauan pikiran dan nafsu* (Sukatman, 2009:111). Kajian tersebut turut mengkategorikan simbol-simbol yang terkandung dalam mimpi masyarakat Jawa. Simbol-simbol ini termasuklah simbol kosmos, simbol alam, simbol binatang, simbol supernatural, simbol manusia dan simbol lakuan. Masyarakat Iban mendapati bahawa setiap simbol yang hadir dalam mimpi mempunyai tafsirannya yang tersendiri.

## METODOLOGI

Penyelidikan ini adalah berorientasikan **kerja lapangan** seperti yang selalu diguna pakai oleh pengkaji tradisi rakyat. Melalui kerja lapangan ini, pengkaji telah mengumpulkan data-data berkaitan dengan mimpi yang dialami oleh masyarakat Iban dan **menemubual** beberapa informan yang terdiri daripada orang Iban yang arif berkenaan hal ini. Mereka adalah Edmund Langgu, Lemambang Abang dan Lemambang Lau. Seterusnya mimpi tersebut dianalisis menggunakan teori semiotik Charles Sander Peirce (1965). Charles Sander Peirce terkenal sebagai pelopor model triadik dalam teori semiotik. Peirce mendefinisikan semiotik kepada satu kajian tanda dan segala yang berhubung dengan tanda, iaitu cara berfungsi (sintaktik semiotik), serta mengkaji hubungan antara pengirim dan penerima oleh mereka yang menggunakan tanda (pragmatik semiotik). Berikut merupakan model triadik teori semiotik Pierce:




**Rajah 1:** Teori Semiotik Pierce

Teori semiotik Pierce mempunyai tiga tahap, iaitu representamen (*firstness*), objek (*secondness*) dan interpretan (*thirdness*). Tahap yang pertama (*firstness*) dalam penelitian ini adalah untuk mengenal pasti tanda. Manakala peringkat yang kedua (*secondness*) pula adalah untuk menentukan sama ada objek yang telah dikenal pasti boleh diacukan kepada ikon, indeks atau simbol yang menjadi penanda. Tahap ketiga (*thirdness*) penelitian pengkaji pula adalah mentafsir makna pada tanda yang telah dikenal pasti untuk mengetahui petandanya kepada masyarakat Iban. Ada beberapa cara mengenal tanda, sering diulang pengarang, menjadi teras teks, terasa mengandung makna yang berbeza, berlapis, bersifat polivalensik dan sebagainya (Manu Sikana, 2012:41).

Dalam kajian ini, pengkaji meneliti tanda-tanda yang terdapat dalam pengekalasan mimpi serta cara ia mampu memberikan satu komunikasi lisan kepada masyarakat Iban sehingga mereka mempercayainya dalam seluruh kehidupan seharian. Pengkelasan ini membantu menjelaskan lagi fungsi mimpi tersebut serta peranannya dalam kehidupan masyarakat Iban. Oleh kerana itu, pemilihan teori semiotik Charles Sanders Peirce adalah sangat bertepatan dalam menganalisis tanda-tanda yang terkandung untuk mengkelaskan mimpi kepada pengkelasan tertentu serta menjelaskan fungsinya.

## MODEL KAJIAN

Hasil penelitian mendapati bahawa setiap mimpi yang dialami oleh masyarakat Iban sememangnya menjadi medium komunikasi spiritual yang sangat penting dalam kepercayaan mereka. Oleh kerana itu, penelitian menggunakan model tiadik semiotik Pierce adalah bertepatan untuk melihat terdapatnya komunikasi spiritual yang sangat dipercayai oleh masyarakat Iban. Setelah analisis dilakukan, maka pengkelasan dan kesan daripada mimpi dapat dikenal pasti. Berikut merupakan model analisis yang dihasilkan bersesuaian dengan Teori Semiotik Pierce:



**Rajah 2:** Model analisis mimpi menurut kefahaman daripada Teori Charles Sanders Pierce

Berlandaskan Teori Semiotik Pierce, peringkat pertama ialah mengenal pasti tanda yang terdapat dalam mimpi adalah pada peringkat representamen dan peringkat kedua menentukan penanda yang diacukan oleh tanda wujud dan. Peringkat yang terakhir ialah mengenal pasti interpretasi petanda daripada penanda. Justeru itu, secara tidak langsung komunikasi spiritual sebenarnya telah berlangsung dalam peringkat representamen (*firstness*), objek (*secondness*) dan interpretasi (*thirdness*). Gabungan ketiga peringkat ini sangat bersesuaian untuk mengkaji wujudnya komunikasi spiritual dalam mimpi dan kesannya terhadap masyarakat Iban.

Pengaplikasian model analisis berfungsi dalam penelitian ini dapat dijelaskan menerusi mimpi yang pernah dialami oleh seorang wanita. Misalnya, seorang wanita Iban bernama Ijah bakal melangsungkan perkahwinan bersama seorang lelaki pilihan keluarganya. Lelaki tersebut bernama Demong. Sebelum berlangsungnya perkahwinan, Ijah telah bermimpi dihadiahkan oleh seorang lelaki tengkorak hasil aktiviti *ngayau*/berperang dan dia berasa sangat gembira yang tidak terkata. Apabila bangun daripada tidur, Ijah telah menceritakan mimpinya kepada keluarga dan individu yang pakar tentang tafsiran mimpi. Pakar pentafsir mimpi kebiasaanya terdiri daripada *ketua adat*, *lemambang*, *tuai burung* dan orang-orang tua yang berpengalaman. Mereka mempercayai bahawa mimpi yang hadir dalam tidur seseorang adalah mesej daripada pencipta, Dewa Dewi atau roh-roh lain yang disembah. Menerusi situasi mimpi tersebut, model analisis Rajah 2 dapat dirumuskan seperti dalam rajah di bawah:

### Komunikasi spiritual



**Rajah 3:** Ringkasan aplikasi model analisis Teori Pierce dengan situasi mimpi

Walaupun sejak daripada zaman dahulu lagi masyarakat Iban mempercayai bahawa mimpi sebagai sebuah medium komunikasi spiritual antara dewa-dewi dan manusia di bumi, kepercayaan mereka tidak pernah diteliti dan dianalisis secara teoritika. Pengaplikasian model analisis teori semiotik Pierce telah menjalankan fungsinya untuk mengkaji mimpi masyarakat Iban. Apabila seseorang telah mendapat mimpi, perkara pertama yang dikenal pasti ialah tanda-tanda yang muncul. Dalam ilmu semiotik, mengenal pasti tanda ini merupakan peringkat pertama (*firstness*), iaitu representamen. Oleh sebab itu, watak, latar tempat, tema dan perasaan pemilik mimpi dianalisis sebagai tanda. Hal ini disebabkan setiap perkara tersebut mampu menjadi tanda yang sangat penting untuk diacukan kepada penanda dan ditafsir petandanya. Perkara utama yang diteliti setelah mendapat mimpi adalah mendengar keseluruhan jalan ceritanya atau kejadian yang berlaku.

Seterusnya daripada kejadian dalam cerita tersebut dikenalpasti tema penceritaannya. Hasil daripada penelitian tema dikenal pasti pula perkara tertentu yang dijadikan tanda. Misalnya berdasarkan mimpi Ijah yang telah diterangkan, mimpi tersebut adalah bertemakan pemberian hadiah tengkorak oleh seorang lelaki. Dalam tema mimpi tersebut, tengkorak adalah tanda. Pada tahap kedua (*secondness*) pula ialah menentukan objek atau penanda yang diacukan oleh tanda tengkorak. Dalam situasi ini, tanda tengkorak merupakan penanda keberanian dan kegagahan seseorang lelaki. Setelah menentukan penanda kepada tanda tengkorak, peringkat yang berikutnya adalah mentafsir petanda daripada penanda. Mentafsir petanda ini merupakan interpretan, iaitu peringkat ketiga (*thirdness*) dalam teori semiotik. Lazimnya, tafsiran mimpi dikaitkan dengan perkara-perkara yang bakal dilakukan oleh individu, keluarga atau sesiapa sahaja. Dalam situasi mimpi yang dialami oleh Ijah, petanda-petanda dikaitkan dengan majlis perkawinan yang bakal dilangsungkannya. Tanda tengkorak ini ditafsirkan bahawa bakal suami Ijah merupakan seorang yang gagah berani dan bertanggunjawab serta sesuai dijadikan sebagai seorang suami.

Selain daripada meneliti tanda yang terdapat dalam tema sesebuah mimpi, watak-watak yang muncul juga sangat penting untuk dianalisis. Watak-watak yang muncul mungkin terdiri daripada Dewa Dewi, roh orang yang telah meninggal dunia, pesuruh-pesuruh Dewa Dewi, pahlawan-pahlawan

(bujang berani) terkenal dan lain-lain. Selain itu, terdapat juga watak-watak yang terdiri daripada individu yang tidak dikenali. Namun begitu, masyarakat Iban mempercayai bahawa watak yang tidak dikenali ini adalah berkemungkinan jelmaan Dewa-Dewi atau roh-roh lain. Oleh kerana itu, setiap watak yang muncul dalam mimpi seseorang sangat dititikberatkan ketika tafsiran dilakukan. Dalam mimpi Ijah, seorang lelaki yang menghadiahkannya tengkorak merupakan watak yang tidak dikenali. Watak lelaki itu merupakan tanda yang mengacukan penanda restu. Kemudian penanda tersebut ditafsirkan sebagai petanda untuk memberikan mesej kepada Ijah bahawa pasangan dan majlis perkahwinannya mendapat restu daripada dewa dewi atau petara. Masyarakat Iban mempercayai lelaki yang tidak dikenali tersebut mungkin jelmaan daripada Dewa Dewi atau pesuruh-pesuruhnya yang lain.


Latar tempat sesebuah mimpi juga harus dikenal pasti dan dijadikan sebagai tanda. Latar tempat kemungkinan boleh berlaku di rumah panjang, di kebun, di sungai, di alam baka/sebayan, di panggau libau dan gelong (dunia dewa dewi). Kadang kala terdapat juga tempat-tempat yang tidak dikenali, namun muncul suara-suara halus mengatakan bahawa tempat tersebut adalah di *panggau Libau*. Panggau Libau merupakan tempat tinggal Dewa Keling yang sangat dipuja kegagahan dan keberaniannya oleh masyarakat Iban. Justeru itu, setiap tempat kejadian ini menjadi tanda yang mengacukan penanda sama ada bakal memberikan petanda yang baik atau buruk kepada kehidupan masyarakat Iban. Tafsiran sebaliknya berlaku apabila latar tempat adalah di alam baka dan perkampungan yang hangus. Oleh kerana itu, latar tempat harus diteliti bagi menentukan tafsiran sama ada membawa kepada kebaikan atau keburukan.

Di samping itu, perasaan yang dialami oleh individu ketika bermimpi juga diteliti sama ada individu tersebut berperasaan gembira, sedih, cemas, marah, benci, takut, malu, dengki, cemburu dan terkejut. Jenis-jenis perasaan ini dianggap sebagai tanda untuk menentukan tafsirannya. Hal ini kerana setiap perasaan yang dialami menginterpretasikan petanda tertentu yang pasti memberikan kesan terhadap kehidupan masyarakat Iban. Dalam mimpi yang telah di nyatakan sebelumnya, Ijah mengalami perasaan yang sangat gembira apabila mendapat tengkorak sebagai hadiah. Perasaan gembira yang dialami oleh Ijah merupakan tanda dalam semiotik Pierce. Seterusnya peringkat kedua pula ialah mengacukan tanda tersebut kepada penanda, iaitu sebagai penanda kebahagian. Peringkat seterusnya adalah meneliti interpretasi petanda daripada penanda kebahagian. Interpretasi daripada penanda tersebut sememangnya menjelaskan bahawa Ijah bakal beroleh kebahagian daripada perkahwinannya. Bagi masyarakat lain, mendapat hadiah tengkorak merupakan sesuatu petanda perkara buruk bakal berlaku. Sebaliknya dalam budaya masyarakat Iban, tengkorak adalah lambang status dan keberanian seseorang lelaki.

Pada zaman dahulu, sesetengah keluarga pengantin perempuan kadang kala meminta tengkorak kepala manusia sebagai hantaran dalam perkahwinan. Rentetan daripada itu, dapat disimpulkan bahawa mimpi merupakan sebuah komunikasi spiritual yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat Iban. Justeru itu, maka mimpi masyarakat Iban mempunyai pengelasan tersendiri dan turut memberikan kesan dalam mempengaruhi kehidupan sehari-hari mereka.

## **PENGKELASAN MIMPI**

Dalam kepercayaan masyarakat Iban, roh mendiami tubuh manusia sejak dari dalam kandungan lagi sehingga seseorang individu tersebut meninggal dunia. Masyarakat Iban juga mempercayai bahawa setiap benda di dunia ini mempunyai roh yang harus dihormati. Dalam konteks ini, roh merupakan satu medium untuk manusia berkomunikasi dengan Tuhan dan kuasa-kuasa super natural menerusi mimpi. Peter M. Kedit, (1993:18) menyatakan bahawa *Iban believe that dream are one means by which they can communicate with the realm of the spirit*. Penyataan tersebut bermaksud bahawa satu daripada cara masyarakat Iban berkomunikasi dengan kuasa supernatural adalah menerusi mimpi. Patricia Ganng (2016) juga turut merumuskan hubung kait manusia dengan kuasa-kuasa Dewa Dewi yang berada di langit dan roh orang yang telah meninggal di alam baka adalah menerusi mimpi. Berikut merupakan Rajah 4 yang menunjukkan rumusan tersebut:



**Rajah 4:** Mimpi Yang Menghubungkan Manusia, Tuhan Dan Alam Baka


*Sumber: Patricia Ganing (2016)*

Dalam kepercayaan tradisional masyarakat Iban atau dikenali sebagai pengarap asal, mereka sangat mempercayai bahawa Tuhan dan kuasa-kuasa supernatural menyampaikan sesuatu alamat atau petanda melalui mimpi. Menurut Jacqueline Karimon, Steven Alezander dan Darwalis Sazan, setiap maklumat mengenai bumi kebanyakannya adalah disampaikan alam melalui pengantara manusia yang berkebolehan mentafsirnya (2023:147). Justeru, masuarakat Iban juga mempercayai bahawa mimpi menjadi satu medium komunikasi spiritual yang menjadi panduan dalam kehidupan sehari-hari. Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah menjelaskan bahawa unsur spiritual bukan sahaja melibatkan benda ghaib dan mistik semata-mata, tetapi hubungkait manusia menerusi agama, mistik, kepercayaan, jiwa dan kerohanian juga adalah merujuk spiritual yang ada dalam diri seseorang (2021:72). Dalam masyarakat Iban, mereka mempunyai pelbagai jenis mimpi. Oleh kerana itu, mimpi tersebut telah diklasifikasikan berdasarkan tanda, penanda dan petanda. Setiap mimpi yang dialami mempunyai ritual-ritual khas yang perlu dilakukan oleh individu yang bermimpi ketika mengalami mimpi buruk atau mimpi baik.

Dalam masyarakat Iban, mimpi buruk dipercayai memberikan petanda tentang bencana atau malapetaka yang bakal menimpa seseorang. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, mereka mempunyai tatacara tertentu yang perlu dilakukan apabila menyedari mimpi yang dialami merupakan mimpi buruk. Perkara yang pertama sekali dilakukan oleh individu yang bermimpi sebaik sahaja bangun daripada tidur ialah mengambil *air penabar mimpi*. *Ai penabar mimpi* atau air penepis mimpi merupakan air yang dipercayai oleh masyarakat Iban sebagai air penepis sebarang perkara-perkara buruk yang bakal menimpanya akibat daripada mimpi buruk tersebut. Mimpi buruk dianggap sebagai kuasa panas, manakala air penepis mimpi bertindak menyejukkan kuasa panas yang bakal memberikan kecelakaan terhadap seseorang individu tersebut. *Ai penabar mimpi* kebiasaannya diletakkan sedikit pada telapak tangan dan disapukan bermula daripada ubun-ubun hingga ke hujung telunjuk kaki. Setelah menyapukan *ai penabar mimpi*, individu yang bermimpi menceritakan kepada ahli keluarga atau orang lain yang lebih pakar mentafsir seperti *manang* atau *pawang*, *lemambah*, *tuai burung* dan sebagainya. *Manang* (*pawang*) berperanan khas untuk upacara perubatan tradisional. *Also these have been called "priest" but in fact, their function are not priestly* (Erik Jensen, 1974:63). Setelah itu meneliti mimpi, pentafsir-pentafsir pula akan menyarankan beberapa ritual yang boleh dilaksanakan. Antaranya ialah ritual *makai mimpi* atau makan mimpi. *Makai mimpi* merupakan satu ritual ringkas yang dilakukan untuk mengelakkan mimpi tersebut menjadi kenyataan dan menimbulkan malapetaka. (Temubual: Edmund Langgu, 2018). Ritual makan mimpi hanya boleh dilakukan oleh individu seperti *manang*, *tuai burung* dan *lemambah* yang terpilih sahaja.

Dalam upacara *makai mimpi*, kuku tangan dan kuku kaki individu yang mengalami mimpi buruk dikikis. Serbuk kuku diletakkan dalam air dan diminum oleh si pemakan mimpi. Upacara tersebut diakhiri dengan mengusap individu yang bermimpi dengan air yang dikenali sebagai *ai penchelap*. *Ai penchelap* merupakan air penawar yang boleh menghilangkan badi kesan daripada mimpi buruk. Seterusnya ritual *bersudi* dilakukan oleh *manang* sebagai cara untuk melihat roh atau semengat individu tersebut masih bersama dengan ahli keluarga yang lain atau sudah menjauh dengan menggunakan *batu ilau* atau batu tilikan. Ritual *besudi* hanya boleh dilakukan pada waktu malam dan ritual ini tidak memerlukan masa yang lama untuk dilaksanakan. Sekiranya semengat individu tersebut didapati sudah menjauh atau langsung tidak kelihatan samasa tilikan ketika *besudi* menggunakan *batu ilau*, maka ritual *belian* harus dilaksanakan. Ritual *belian* dijalankan selama satu malam dan pelbagai upacara yang perlu dilakukan ketika *belian*. Ritual keagamaan ini tidak terhenti setakat ritual *belian* tetapi boleh berlanjut hingga ritual *gawai sandau hari* dan *begawai mansau* untuk menilik nasib menggunakan hati babi.

Selain itu, mimpi baik juga mempunyai ritual khas yang perlu dilakukan oleh individu yang bermimpi. Langkah pertama sebaik sahaja bangun daripada tidur ialah dengan *ngirau rendai* atau mengoreng padi tanpa minyak hingga menjadi bertih. Kemudian *rendai* bertih diletakkan dalam pinggan kosong dan telur sebijinya di atasnya. Seterusnya semua ahli keluarga mengambil sedikit air tuak dan segenggam bertih padi untuk digunakan untuk besampi atau berdoa. Air tuak dituangkan ke tanah dan bertih ditaburkan sambil berdoa agar mimpi baik yang dialaminya benar-benar menjadi kenyataan. Ritual ini dinamakan sebagai *ngayanka keduran* atau menghidangkan persesembahan ringkas. Seterusnya bertih tersebut diletakkan di bilik tidur selama satu malam. Berikut merupakan carta alir 1 yang menerangkan tatacara tersebut:



**Carta Alir 1:** Ritual pertama (*ngayanka keduran*) dilakukan setelah mengalami mimpi gembira (*gaga*)

Ritual pertama yang dijalankan seperti pada carta alir 1 dipercayai oleh masyarakat Iban sebagai penanda persetujuan mereka menerima tanda-tanda baik atau mesej daripada Dewa-Dewi dan roh-roh yang lain. Selepas ritual *ngayanka keduran*, ahli keluarga individu yang bermimpi tersebut mengadakan upacara atau ritual bedara. Ritual *bedara* dikategori sebagai upacara sederhana dengan menyediakan persembahan yang dikenali sebagai *miring*. Upacara miring ketika *bedara* hanya dilakukan antara ahli keluarga terdekat. Ritual ini boleh dilanjutkan dengan mengadakan ritual yang lebih besar seperti *gawai sandau hari* dan *gawai mansau* bergantung kepada keperluan mimpi dan juga kegigihan individu yang bermimpi. Berikut merupakan pengelasan mimpi dalam masyarakat Iban:

#### i) Mimpi buruk (*mimpi changka*)

Masyarakat Iban mempercayai bahawa setiap manusia yang hidup di muka bumi pernah mengalami mimpi buruk atau mimpi *changka*. Mimpi *changka* ini dipercayai membawa petanda bahawa seseuatu malapetaka bakal menimpak pemilik mimpi, penduduk kampung dan sesiapa sahaja yang berkemungkinan dinyatakan dalam mimpi tersebut. Mimpi dipercayai menjadi kenyataan sekiranya pemilik mimpi tidak memperdulikannya dengan mengadakan ritual-ritual tertentu. Antara mimpi yang dikategorikan sebagai *mimpi changka* atau buruk adalah seperti yang berikut:

- a.) Mimpi ditumbuk hantu
- b.) Mimpi dipotong atau disembelih orang
- c.) Mimpi ditangkap naga
- d.) Mimpi dimakan buaya
- e.) Mimpi terluka
- f.) Mimpi terjatuh ke dalam lubang
- g.) Mimpi ditimbas tanah
- h.) Dan lain-lain

Pengelasan mimpi dilakukan oleh orang yang berpengalaman dan pakar tentang mimpi setelah melakukan penelitian terhadap jalan penceritaannya. Jika dianalisis menggunakan model teori semiotik, penelitian yang dilakukan oleh golongan pakar mimpi Iban sebenarnya melalui proses seperti yang terkandung dalam teori tersebut. Tindakan pertama sekali yang ditentukan oleh mereka ialah mencari watak, tema, latar tempat dan perasaan yang dialami oleh individu yang bermimpi. Tindakan seterusnya pula ialah mentafsir penceritaan mimpi dan interpretasinya. Setelah itu, barulah mimpi dikelaskan kepada pengelasan tertentu berdasarkan tafsiran yang telah dilakukan. Kemudian mereka mula memikir peringkat seterusnya dengan melakukan perbincangan bersama dengan pakar-pakar pentafsir mimpi yang lain. Apabila persetujuan telah dicapai maka ritual-ritual tertentu akan dilakukan. Ritual-ritual yang dijalankan adalah seperti yang telah diterangkan sebelumnya, iaitu tatacara menangani mimpi buruk.

#### ii) Mimpi Gaga (gembira)

Mimpi gembira dipercayai oleh masyarakat Iban bakal mendatangkan kegembiraan dan kejayaan kepada pemilik mimpi. Antara mimpi gembira yang sering kali diceritakan oleh orang Iban ialah:

- a.) Mimpi melahirkan anak
- b.) Mimpi mendapat apa-apa sahaja
- c.) Mimpi mengutip buah yang banyak
- d.) Mimpi mendapat ikan yang banyak apabila menuba
- e.) Mimpi mendapat haiwan buruan
- f.) Mimpi melihat bulan dan bintang
- g.) Mimpi pergi ke bintang
- h.) Dan lain-lain

Dalam masyarakat Iban, mimpi baik juga bakal disambut menggunakan ritual tersendiri. Ritual tersebut bermula daripada *ngayanka keduran, bedara, gawai sandau hari* dan begawai mansau seperti yang telah diterangkan sebelumnya. Mereka mempercayai bahawa kehidupan mereka bakal berubah kepada sebuah kehidupan yang lebih baik setelah menyambut mimpi tersebut dengan ritual-ritual tersebut.

### **iii) Mimpi Panjang Umur (Mimpi Gayu)**

Mimpi panjang umur dipercayai membawa petanda bahawa seseorang itu panjang umur walaupun menghidap penyakit. Lazimnya mimpi panjang umur dialami oleh orang yang sakit tenat. Berikut merupakan mimpi yang dikategorikan sebagai mimpi panjang umur:

- a.) Mimpi mengalami kematian
- b.) Mimpi makan kapir langit/kaki langit
- c.) Mimpi sembuh daripada penyakit
- d.) Mimpi menang dalam peperangan
- e.) Dan lain-lain

Masyarakat Iban sangat mempercayai bahawa mimpi panjang umur sangat mempengaruhi kehidupan seseorang terutama bagi individu yang sakit. Mimpi panjang umur juga kebiasaannya disambut dengan upacara keagamaan seperti ritual mimpi baik yang telah diterangkan sebelumnya, iaitu bermula daripada *ngayanka rendai, bedara, sandau hari* dan begawai. Ritual-ritual ini dipercayai membulatkan petanda-petanda yang telah muncul dalam mimpi agar menyembuhkan seseorang individu tersebut daripada penyakitnya.

### **iii.) Mimpi Marah (mimpi ringat)**

Mimpi ringat dipercayai tidak mendatangkan kepada berlakunya malapetaka yang terlalu dasyat. Mimpi ini memberi petanda bahawa akan berlaku perkara yang tidak menyenangkan berlaku seperti bergaduh sesama ahli keluarga atau orang lain. Mimpi tersebut juga membawa petanda bakal berlaku sesuatu yang tidak menyenangkan hati seperti kehilangan atau kerosakan sesuatu. Berikut merupakan antara mimpi yang dikategorikan sebagai mimpi marah atau mimpi ringat:

- a.) mimpi pecah tembikar warisan
- b.) Mimpi terkoyak baju
- c.) Mimpi perahu pecah
- d.) Dan lain-lain

Apabila mendapat mimpi *ringat* atau marah, masyarakat sangat mempercayai bahawa ini merupakan antara cara dewa-dewi menyampaikan mesej kepada mereka agar lebih berhati-hati ketika menjalani kehidupan seharian. Dalam kepercayaan mereka mimpi sedemikian adalah dianggap sebagai komunikasi spiritual dalam kalangan masyarakat Iban. Ritual yang boleh dijalankan ialah ritual mimpi buruk seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, cuma ritual yang dijalankannya hanya sampai peringkat menyapu air penabar mimpi di kepala dan badannya.

### **vi) Mimpi tidak panjang umur (mimpi enda gayu)**

Mimpi tidak panjang umur dipercayai boleh menyebabkan seseorang tersebut pendek umur atau meninggal di usia yang muda. Oleh kerana itu, mimpi tidak panjang umur tersebut harus diselesaikan menggunakan upacara khas atau merenjiskan air penawar atau disebut sebagai *ai penabar mimpi*. Berikut merupakan antara mimpi yang tidak panjang umur:

- a.) Melihat dua biji bulan
- b.) Mimpi berkahwin
- c.) Mimpi diambil oleh keluarga yang sudah meninggal dunia untuk tinggal bersama
- d.) Mimpi membina rumah di alam baka/sebayan
- e.) Dan lain-lain mimpi tidak panjang umur dipercayai boleh dijadikan petanda

**v) Mimpi dibantu oleh Tuhan/dewa dewi(*mimpi ditulung Petara/ antu*)**

Mimpi dibantu oleh Tuhan dan dewa dewi merupakan mimpi yang paling baik sekali. Dalam mimpi tersebut, pemilik mimpi bukan hanya didatangi oleh dewa dewi tetapi juga turut disumpah untuk mendapatkan sesuatu. Bagi orang yang sakit, mimpi didatangi dewa dipercayai mampu menyembuhkan penyakit.

Mimpi dibantu oleh Tuhan atau dewa dewi juga kebiasaannya disambut dengan tatacara ritual mimpi baik dengan bermula daripada *ngayanka keduran, bedara, sandau hari dan begawai*. Menerusi ritual-ritual tersebut, pelbagai upacara yang dilakukan untuk memohon kepada Tuhan atau dewa dewi agar mimpi yang dialami seseorang individu tersebut akan dimakbulkan.

**vi) Mimpi berkabung (*mimpi ngulit*)**

Masyarakat Iban juga turut mengklasifikasikan mimpi kepada mimpi berkabung berdasarkan kepada tanda-tanda yang muncul dalam mimpi. Antara mimpi yang dikategorikan kepada mimpi berkabung ialah:

- a) Mimpi gigi tercabut
- b) Mimpi memakai pakaian tradisi
- c) Mimpi berhias
- d) Mimpi ngajat/menari
- e) Dan lain-lain

Setelah mengalami mimpi yang dikategori sebagai mimpi berkabung, seseorang individu tersebut sentiasa berwaspada dalam setiap tindakannya. Masyarakat Iban sangat mempercayai mimpi berkabung yang dialami merupakan satu amaran daripada alam lain. Oleh kerana itu, bagi menggelakkkan kejadian yang tidak diingini berlaku, upacara menyapu ai *penabar mimpi* dan makai *mimpi* juga akan dilakukan.

**Fungsi mimpi sebagai medium komunikasi spiritual:**

Masyarakat Iban mempercayai setiap mimpi yang hadir dalam tidur seseorang mempunyai fungsi yang tersendiri sama ada membawa maksud yang baik atau sebaliknya. Berikut merupakan fungsi mimpi dalam masyarakat Iban:

Unsur spiritual bukan sahaja melibatkan benda ghaib dan mistik semata-mata, tetapi hubungkait manusia menerusi agama, mistik, kepercayaan, jiwa dan kerohanian juga adalah merujuk spiritual yang ada dalam diri seseorang.

**a) Medium ramalan**

Dalam masyarakat Iban, mimpi berfungsi sebagai medium ramalan yang sangat penting. Setiap perkara yang mereka lakukan bergantung kepada ramalan mimpi daripada individu, keluarga dan juga komuniti. Petanda-petanda tersebut membantu mereka melaksanakan sesuatu aktiviti tanpa sebarang rintangan dan halangan. Kepercayaan kepada mimpi sebenarnya sangat mempengaruhi seluruh kehidupan mereka. Jika petanda yang hadir dalam mimpi menunjukkan petanda yang baik, maka aktiviti akan diteruskan. Petanda-petanda yang muncul dalam mimpi dirujuk kepada *lemambang, manang* atau *Tuai Burung*. Namun jika tukang ramal mentafsirkan bahawa petanda yang hadir dalam mimpi menunjukkan petanda buruk, sesuatu aktiviti tersebut akan ditangguhkan. Freeman dalam Peter M. Kedit (1993:17) turut menyatakan bahawa:

*A dream is the record of adventures of the dreamer's soul, which in sleep wander abroad of its own volition. Dream of the Iban, are the most important of all channels of communication with the spirit world, and dream experiences dominate their behaviour to a remarkable degree. Major ventures are abandoned, long- house deserted, marriages dissolved, all because of adverse dreams. But favourable dreams are even more important, and without them, say the Iban real success prosperity are impossible of attainment.*

**Bermaksud:**

*Mimpi merupakan satu rakaman penggembalaan roh seseorang yang bermimpi. Mimpi untuk masyarakat Iban merupakan saluran penting untuk berkomunikasi dengan roh-roh yang terdapat dalam dunia ini dan turut mempengaruhi perlakuan mereka. Segala pekerjaan utama terbengkalai, rumah panjang menjadi sepi, perkahwinan akan dibubarkan kesan daripada mimpi buruk. Tetapi mimpi yang baik adalah sangat penting untuk menentukan kejayaan pencapaian seseorang.*

Ketika hendak pergi berperang, ramalan menerusi mimpi sangat dititikberatkan. Mereka mempercayai bahawa tanda-tanda yang muncul dalam mimpi membawa petanda-petanda yang menginterpretasikan kemenangan atau kekalahan yang mereka bakal peroleh. Oleh kerana itu, jika mereka mendapat mimpi buruk atau mimpi *changka*, segala perancangan untuk pergi berperang ditangguhkan sementara waktu. Sekiranya tanda-tanda yang muncul dalam mimpi diabaikan, mereka mempercayai malapetaka akan timbul dan boleh membawa kepada sebuah kekalahan dalam peperangan tersebut.

Namun demikian, jika terdapat dalam kalangan mereka yang mempunyai mimpi dibantu oleh Dewa-Dewi maka mimpi tersebut dianggap sebagai sebuah mimpi yang sangat baik. Mimpi dibantu oleh Dewa Dewi ini dipercayai oleh masyarakat Iban sebagai sebuah mimpi yang membawa petanda kepada sebuah kemenangan. Mimpi dibantu oleh Dewa Dewi ini kebiasaannya disambut dengan upacara ritual miring. Ritual ini memohon dan berdoa kepada *Petara* atau Tuhan, Dewa Dewi dan roh-roh agar memakbulkan tanda-tanda yang muncul dalam mimpi.

Selain daripada aktiviti peperangan, masyarakat Iban juga turut mempercayai bahawa mimpi yang hadir dalam tidur seseorang turut memberikan petanda amaran dalam semua aktiviti yang mereka lakukan setiap hari termasuklah aktiviti pertanian, perikanan, ritual agama dan sebagainya.

**b) Mimpi berfungsi sebagai Sumber Pengetahuan Masyarakat Iban**


Masyarakat Iban mempercayai bahawa mimpi juga berfungsi sebagai sumber pengetahuan kepada mereka. Mereka mempercayai bahawa ilmu pengetahuan dan kecerdikan yang mereka warisi adalah diperturunkan oleh *Petara* dan Dewa Dewi. Oleh kerana itu, menerusi mimpi segala ajaran diperturunkan termasuklah corak-corak tenunan. Rajah 5 merupakan beberapa corak tenunan yang dihasilkan:



**Rajah 5: Motif Tenunan Masyarakat Iban**

Rajah 6 menunjukkan beberapa motif tenunan yang dihasilkan oleh wanita Iban. Mereka mempercayai bahawa penghasilan motif-motif tersebut adalah diwarisi daripada Dewa Dewi yang disampaikan menerusi mimpi kepada individu-individu tertentu. Motif-motif tersebut masih diwarisi oleh masyarakat Iban sehingga ke hari ini.

Selain daripada penghasilan motif tenunan, masyarakat Iban mempercayai bahawa mimpi juga berfungsi sebagai sumber pengetahuan dalam menghasilkan ukiran. Ukiran-ukiran kebiasaannya terdapat pada barang kegunaan harian seperti bekas abu rokok, tangga, senduk dan juga barang perhiasan rumah yang lain. Berikut merupakan ukiran yang dihasilkan pada bekas abu rokok:



**Rajah 6:** Ukiran bekas abu rokok masyarakat Iban

Rajah 7 merupakan ukiran yang dihasilkan oleh masyarakat Iban yang dijadikan sebagai bekas membuang abu rokok. Mereka mempercayai bahawa motif-motif ukiran yang dihasilkan mempunyai makna yang tersendiri, manakala penghasilan sesuatu ukiran yang bermakna sudah semestinya hasil daripada kemahiran seseorang individu. Mereka mempercayai kemahiran dalam menghasilkan sesuatu corak ukiran diperolehi daripada mimpi. Setelah melalui mimpi, maka proses seterusnya diterjemahkan kepada sebuah ukiran. Menurut mitos masyarakat Iban, Demong merupakan orang Iban pertama yang menghasilkan ukiran. Demong dipercaya mewarisi kemahiran mengukir melalui mimpi (Casper Kayong, 2010). Dalam mimpi tersebut, Demong telah dibawa ke sebuah rumah panjang yang dipenuhi dengan segala ukiran termasuk pada tiang, dinding, tangga, pintu dan sebagainya. Rumah panjang tersebut dipercaya milik Dewa Burung Kenyalang. Sebaik terbangun daripada tidur, Demong telah meniru semua ukiran yang telah muncul dalam mimpiinya. Sejak menghasilkan ukiran tersebut,

kehidupan seluruh penduduk di kampung Demong semakin bertambah baik. Hasil tanaman mereka semakin bertambah. Oleh sebab itu, masyarakat Iban sangat mempercayai bahawa mimpi berfungsi sebagai sumber pengetahuan yang diperturunkan oleh Dewa Dewi.

### c) Motivasi Diri

Pada zaman dahulu, masyarakat Iban tidak mendapat pendidikan formal dari mana-mana institusi. Oleh kerana itu, mimpi-mimpi baik atau buruk yang hadir dalam tidur dijadikan sebagai satu sumber untuk mereka memotivasi diri dalam meningkatkan kehidupan masing-masing. Mereka mempercayai bahawa mimpi merupakan penghubung antara manusia dengan *Petara* dan Dewa Dewi serta penghubung antara manusia dengan roh-roh yang lain. Oleh kerana itu, mimpi-mimpi yang hadir dalam tidur seseorang berupaya untuk meningkatkan motivasi dalam menguruskan kehidupan sehari-hari.

Sekiranya seseorang individu mendapat mimpi yang baik, maka mereka akan lebih bersemangat dalam mengerjakan seseuatu pekerjaan. Misalnya, mimpi diberikan azimat padi oleh Dewa Dewi mampu memberikan motivasi yang tinggi kepada seseorang dalam mengusahakan aktiviti pertanian. Masyarakat Iban mempercayai bahawa azimat padi yang diperoleh akan meningkatkan hasil pertanian seseorang individu. Walaupun demikian hasil tuaian sawah padi tidak akan bertambah sekiranya individu tersebut tidak mengusahakan pertanian. Kebiasaan, setelah mendapat mimpi tersebut seseorang akan lebih termotivasi mengusahakan sawah padi untuk mendapatkan hasil yang banyak.

## KESIMPULAN

Konklusinya, mimpi merupakan satu medium komunikasi spiritual yang sangat penting dalam kepercayaan tradisional masyarakat Iban. Oleh kerana itu, mimpi dalam masyarakat Iban telah dikelaskan kepada beberapa kategori seperti mimpi gembira, mimpi buruk, mimpi panjang umur, mimpi marah, mimpi tidak panjang umur, mimpi dibantu oleh Dewa Dewi dan mimpi berkabung. Justeru itu, mimpi dalam masyarakat Iban juga mempunyai fungsinya yang tersendiri telah memberikan kesan yang amat besar dalam kehidupan mereka. Kesan tersebut telah mempengaruhi rutin kehidupan sehari-hari mereka seperti memperoleh idea ketika bertemu dan sebagainya. Penelitian terhadap pengaruh mimpi masyarakat Iban ini wajar diteliti dengan lebih banyak lagi kerana masih ramai dalam kalangan mereka yang masih bergantung kepada petanda-petanda tertentu menerusi mimpi. Penelitian ini juga sangat penting agar terus menjadi relevan dan dijadikan sebagai bahan warisan serta penelitian bagi generasi yang akan datang.

## RUJUKAN

- Awang Azman Awang Pawi. 2013. *Weltanschauung dan manifestasi kepercayaan tradisi etnik di Sarawak*. Jurnal Antarakabanga Dunia Melayu, Volume 6 (2), 139-154.
- Benedict Sandin. 1962. *Tiga Belas Bengkah Mimpi*. Kuching: Borneo Litarure Bureau.
- Benedict Sandin. 2010. *Raja Singalang Burung*. Sibu: Vickskill Printing Sdn.Bhd
- Casper Kayong Umping. 2010. *Raja Singalang Burung: The Legends of customary and Faith*. Sibu. Vickskill Printing Sdn.Bhd.
- Karimon, J., Alezender, S., & Sazan, D. (2023). *Mitos Angkazio Sebagai Isyarat Alam Peneguh Firasat Murut Paluan*. PENDETA,14(2), 146–161.
- James Jemut Masing. 1981. *The Coming of Gods: A study of an Invocatory Chant (Timang Gawai Amat) of the Iban of the Baleh River of Sarawak*. Tesis PHD. Canberra: Australian National University Canberra.
- Jensen, Erik. 1974. *The Iban and Their Religion*. London: Oxford University Press.
- Jusoh, S. A., Che Yaacob, M. F., & Abdillah, N. (2021). *Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu*. PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature,12(2), 67-79.
- Patricia Ganng. 2013. Analisis Entelah Dalam Masyarakat Iban. *Tesis Sarjana*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Patricia Ganng. 2016. Tanda, Penanda dan Petanda dalam Entelah Iban. *Tesis Doktor Falsafah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

- Peter Kedit Muluk. 1993. *Iban Bejalai*. Kuala Lumpur. Ampang Press Sdn. Bhd.
- Pierce, Charles Sanders. 1965. Collected Paper Charles Sanders Pierce (Vol. I & II). Cambridge Massaschusett: The Belknap Press of Harvard University Press.
- Sutlive, V. H. (1978). *The Iban of Sarawak*. Arlington Heights: AHM Publishing Corporation.
- Sukatman. 2009. *Butir-Butir Tradisi Lisan Indonesia, Pengantar Teori dan Pembelajarannya*. Yogyakarta: Laksbang Pressindo.
- Temu bual Edmund Langgu. 2020. 13 Februari. Kuching Sarawak.
- Temu bual Lemambang Lau, 2019.4 April. Sibu. Sarawak.
- Temu bual Lemambang Abang, 2016.8 Ogos. Saratok. Sarawak.